

Kuala Lumpur

Antibiotik dalam makanan haiwan penting

Penggunaan antibiotik dalam makanan ternakan penting untuk mencegah jangkitan penyakit, membantu pencernaan dan penyerapan dalam usus, meningkatkan prestasi tumbesaran dan kualiti produk hasil ternakan.

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam berkata, penggunaan itu dalam rangsum makanan haiwan diperlukan bagi penternak secara komersial dan intensif pada peringkat awal tumbesaran dan tidak digunakan dalam tempoh tertentu sebelum dipasarkan.

"Mengikut Akta Makanan Haiwan 2009, doktor veterinar bertanggungjawab dan diberi kuasa menyediakan preskripsi antibiotik ke dalam makanan haiwan mengikut sukatan disyorkann," katanya dalam satu kenyataan kepada Harian Metro.